

## FIQH SIYASAH SYAR'IYYAH DALAM KOMUNITI ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MALAYSIA

AZMAN AB RAHMAN<sup>I</sup>, HAIRULLFAZLI MOHAMMAD SOM<sup>II</sup>, NORAKYAIREE MOHD RAUS<sup>III</sup> & ADNAN MOHAMED YUSOFF<sup>IV</sup>

<sup>i</sup>Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000,Kajang, Selangor, [hairullfazli@kuis.edu.my](mailto:hairullfazli@kuis.edu.my)

<sup>iii</sup> <sup>v</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, [norakyairee@usim.edu.my](mailto:norakyairee@usim.edu.my)

<sup>iv</sup> Profesor, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, [adnan@usim.edu.my](mailto:adnan@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Syariat menuntut masyarakat agar tidak menyisihkan golongan OKU, bahkan perlu dilibatkan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan. Peluang dan ruang perlu diberikan agar mereka juga menikmati kehidupan yang normal bersama anggota masyarakat lain. Penekanan terhadap prinsip Siyāsah Syar'iyyah amat penting dalam mengendalikan komuniti OKU demi menjaga kemaslahatan mereka. Segala urusan atau hal ehwal berkaitan OKU di Malaysia seperti pengurusan, kebijakan, hak OKU di sisi undang-undang, dasar, polisi dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya perlu memenuhi objektif Siyāsah Syar'iyyah. Justeru, artikel ini akan membincangkan secara umum berkaitan Siyāsah Syar'iyyah terhadap komuniti OKU di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa pentadbiran Malaysia yang memenuhi segala aspek Siyāsah Syar'iyyah akan mampu untuk memberikan kebaikan kepada semua pihak tidak mengira tipikal mahupun OKU. Perkara ini juga dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang bertoleransi dan adil serta sentiasa melakukan proses pemberian dan penambahbaikan secara berterusan dalam segenap aspek kehidupan, iaitu individu, masyarakat dan negara.

**Kata Kunci:** Fiqh, Siyasah Syar'Iyyah, Orang Kurang Upaya,

### PENDAHULUAN

Menyantuni komuniti OKU dan melindungi serta memenuhi hak mereka merupakan satu tuntutan di dalam Islam yang amat berkait rapat dengan Fiqh Siyāsah Syar'iyyah atau Siyāsah Syar'iyyah menurut perspektif Islam. Ruang lingkup diskusi berkaitan Siyāsah Syar'iyyah ini tidak tertumpu hanya pada satu aspek saja, bahkan mencakupi segala ruang lingkup kehidupan manusia seperti dalam hal ehwal pentadbiran, ekonomi dan sosial. Keperluan Fiqh Siyāsah Syar'iyyah dalam aspek sosial ini dapat dikaitkan dengan segala urusan atau hal ehwal berkaitan OKU di Malaysia seperti pengurusan, kebijakan, hak OKU di sisi undang-undang, dasar, polisi dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya. Keperluan Fiqh Siyāsah Syar'iyyah OKU ini juga dapat memberikan keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat di sesbuah negara, bahkan akan menjadikan hukum atau dasar yang diputuskan itu mempunyai nilai-nilai yang dinamik dan selari dengan prinsip-prinsip Fiqh atau Islam. Islam juga amat menyantuni komuniti OKU ini serta banyak gesaan di dalam Al-Quran yang memberikan perhatian kepada komuniti OKU. Justeru, ini akan membincangkan secara umum berkaitan Siyāsah Syar'iyyah terhadap OKU serta dasar pemeriksaannya di Malaysia.

## KONSEP SIYĀSAH SYAR'IYYAH

Menurut Mohd Asri (2014), Siyāsaḥ Syar'iyyah merupakan suatu ilmu yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran sesebuah negara yang berasaskan kepada Syariah yang diturunkan kepada Allah SWT. Siyāsaḥ Syar'iyyah amat penting lebih-lebih lagi dalam mencorakkan pentadbiran sesebuah negara agar mengurus dan mentadbir negara mengikut acuan yang telah ditetapkan oleh Syarak. Seiring dengan perkembangan dan kemajuan sesebuah negara, terdapat juga banyak isu dan persoalan kontemporari yang timbul yang mana memerlukan penyelesaian dengan menggunakan pendekatan Siyāsaḥ Syar'iyyah. Perkara ini dilihat amat bertepatan dengan objektif Siyāsaḥ Syar'iyyah itu sendiri iaitu memberi manfaat kepada masyarakat di pelbagai tempat dan zaman serta mencapai kemaslahatan kepada umat manusia secara keseluruhannya.

### Definisi Siyāsaḥ Dari Segi Bahasa

Al-Muqirrī (1994) mendefinisikan Siyāsaḥ mengikut tafsiran Kamus Arab iaitu perkataan Siyāsaḥ adalah kata terbitan (*Masdar*) daripada kata dasar *sāsā* – *yasūsū* - siyāsatān. Bilamana disebut *sāsā* alamr, siyāsatān ia bermaksud mentadbir dan mengendalikan sesuatu urusan, pekerjaan dan sebagainya dengan baik. Ibn Manzūr juga mengistilahkan perkataan Siyāsaḥ ini sebagai istilah perkataan yang berasal daripada perkataan Arab (Ibn Manzūr, 1988). Ibn Manzūr juga telah menolak pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa perkataan Siyāsaḥ ini berasal daripada Farsi atau Moghul.

Al-Zubaydī (t.t.) juga memberikan maksud perkataan Siyāsaḥ ini dengan definisi yang terlalu umum sehingga termasuk dalam aspek pengendalian urusan yang berkaitan manusia, haiwan dan pelbagai urusan yang lain. Secara umumnya, sekiranya ia melibatkan hal berkaitan dengan binatang akan membawa maksud sebagai "menjaga atau menternak". Sekiranya ia digunakan pada manusia akan membawa maksud "menjaga dan mentadbir" urusan mereka. Perkataan Siyāsaḥ ini dapat digunakan dalam pelbagai aspek selagi tidak bercanggah dari maksud asalnya iaitu melakukan sesuatu tindakan yang memberikan keuntungan, mendatangkan kebaikan dan jauh daripada perkara-perkara yang mafsadah atau rosak.

Walau bagaimanapun, terdapat juga definisi lain yang boleh didapati menerusi hadis Rasulullah SAW. Menurut Safwan Harun (t.t.), hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim seperti berikut: -

"كَانَتْ بْنُو إِسْرَائِيلَ شَوْسُهُمْ، الْأَنْبِيَاءُ"

Hadis ini membawa maksud kaum Bani Israil (Yahudi) Siasah (hal ehwal pemerintahan) mereka dipimpin oleh para nabi. Al-Qistilani dan Imam al-Nawawi juga berpandangan bahawa ayat "شَوْسُهُمْ، الْأَنْبِيَاءُ" di sini membawa maksud para Nabi menguruskan hal ehwal pemerintahan Bani Israil seperti mana pemerintah negara lain menguruskan kepentingan rakyat mereka. Setiap pemerintah harus mentadbir dengan adil, saksama dan mengikut landasan yang benar seperti yang dianjurkan oleh Islam. Begitu juga buat para rakyat untuk sentiasa patuh akan arahan para pemimpin selagi mana ianya tidak bertentangan dengan syarak.

Secara kesimpulan, dapat difahami bahawa perkataan Siyāsaḥ ini memberi maksud ilmu pemerintahan yang mana ia menjaga kepentingan rakyat sesebuah negara yang diperintah dengan mengambil berat tentang penjagaan maslahah serta menjauhi daripada perkara-perkara yang boleh

membawa kepada mafsadah. Siyāsah yang benar akan membawa kepada keharmonian sesebuah negara dan menjadikan rakyatnya sentiasa hidup dalam keadaan harmoni mengikut corak kehidupan yang berlandaskan Islam.

### **Definisi Syar‘iyyah Dari Segi Bahasa**

Perkataan Syar‘iyyah adalah sebuah perkataan yang berasal daripada perkataan Arab iaitu lafaz syara' "شَرْعٌ" yang membawa maksud dari segi bahasanya sebagai jalan yang lurus dan tempat laluan air. Tempat laluan air itulah yang disebutkan sebagai *al-Syar'*. Ia juga disamakan dengan perkataan *al-Dīn* dan *al-Millah* (Bharudin Che Pah, Siti Arni Basir dan Shukeri Mohamed, 2010). Di dalam al-Quran juga terdapat banyak perkataan yang menggunakan perkataan Syar‘iyyah. Antaranya ada yang bermaksud seluruh ajaran agama yang merangkumi aspek keimanan, perundangan dan akhlak.

Di dalam perspektif pengajian Ilmu Fiqh, para fuqahā' mentakrifkan *al-Syariah* sebagai hukum-hakam yang diwahyukan oleh Allah kepada para Nabi untuk dibawakan kepada sekalian hamba-Nya. Yusuf Hamid al-‘Alim (t.t.) mengatakan bahawa ia dinamakan hukum-hukum tersebut syariah kerana ia suatu ajaran yang lurus dan disamakan kedudukannya seperti tempat aliran air kerana Syariah Islam menghidupkan jiwa dan akal manusia sebagaimana air menghidupkan tubuh badan dan tumbuh tumbuhan.

Safwan Harun (t.t.) turut menambah bahawa ianya adalah suatu perkara yang disyarakkan oleh Allah dan sah disisi agama apabila perkataan Syar‘iyyah ini disandarkan dengan agama. Perkataan Syar‘iyyah dalam kata lain juga bermaksud sesuatu hukum yang dinisbahkan kepada hukum syarak sebagai Syariah yang wajib dilaksanakan dalam pentadbiran negara. Para pemimpin yang tidak mentadbir dan memimpin negara mengikut prinsip yang ditetapkan oleh syarak dibimbangi akan memberi impak kepada ketidakstabilan negara serta balasan daripada Allah di akhirat kelak.

Menerusi definisi-definisi yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa Syar‘iyyah ini adalah suatu perkara yang membawa kepada satu jalan atau cara untuk mencapai tujuan dan objektif Syariah. Perkara tersebut harus mengikut ilmu atau prinsip yang bersumberkan sumber-sumber yang disepakati atau tidak disepakati oleh para ulama seperti al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyyas serta masalah mursalah dan sebagainya bagi memastikan aspek maslahah diterapkan dalam sesebuah pemerintahan negara.

### **Definisi Siyāsah Syar‘iyyah**

Para ulama silam telah banyak menggunakan istilah Siyāsah Syar‘iyyah di dalam penulisannya sejak dahulu lagi. Mereka telah mengemukakan definisi perkataan Siyāsah Syar‘iyyah ini mengikut persepsi dan kefahaman masing-masing. Namun, S.S Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri menerusi penulisannya Bayan Linnas Siri ke-145 ada menghuraikan definisi Siyāsah Syar‘iyyah menurut ulama silam mahupun kontemporari secara ringkas yang mana boleh difahami seperti berikut (Luqman Tarmizi, 2018): -

1. **Ibn ‘Aqil:** Suatu tindakan oleh pemimpin yang boleh menyelamatkan orang ramai dan menghindarkan mereka dari kehancuran, walaupun tindakan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW atau pun tidak ada wahyu berkenaan perkara tersebut.

2. **Ibnu Nujaim:** Tindakan atau polisi pemerintah yang dilaksanakan atas faktor maslahah, meskipun tiada dalil *juz'iy* daripada nas berkenaan hal itu.
3. **Syeikh Yusuf al-Qaradhawi:** Siyasah yang tertegak di atas kaedah-kaedah syarak serta hukum-hakam dan panduannya.
4. **Syeikh Abdul Wahhab Khallaf** membawakan beberapa tafsiran berkenaan *siyasah syar'iyyah*, antaranya ialah:
  - i.Pemberian kuasa kepada pemerintah untuk bertindak menurut maslahah, selagi mana ia tidak menyanggahi usul agama,meskipun tiada dalil khas berkenaannya.
  - ii.Pelaksanaan maslahah mursalah; ini kerana maslahah mursalah merupakan bab yang tiada dalil *syar'ie* yang menghukumnya sebagai mu'tabar (diambil kira) atau yang tertolak (mulghah).

Berdasarkan pandangan para ulama ini, S.S Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri membuat kesimpulan bahawa ilmu Siyāsah Syar'iyyah bermaksud suatu ilmu yang membahaskan urusan-urusan pentadbiran sesebuah negara Islam dari sudut undang-undang, polisi dan sistem yang bertepatan dengan usul agama Islam, meskipun tidak ada dalil khusus berkenaannya dalam nas syarak. Definisi ini dapat dirujuk melalui rujukan Kitab As-Siyasah as-Syar'iyyah fis Syu'un ad-Dusturiyyah wal Kharijiyyah wal Maliyyah halaman 6-7.

Secara umumnya, Bharudin Che Pah, Siti Arni Basir dan Shukeri Mohamed (2010) turut menyimpulkan definisi Siyāsah Syar'iyyah yang dikemukakan oleh para ulama kini dan kontemporari ini dengan beberapa definisi seperti berikut iaitu satu ilmu yang membincangkan tentang: -

- i.Kaedah pemerintahan Islam yang merangkumi segala tindakan kerajaan dalam membentuk dasar, peraturan dan polisi negara. Ia meliputi seluruh institusi kerajaan seperti kementerian, agensi-agensi kerajaan, jabatan dan jentera kerajaan. Justeru, cakupannya adalah lebih luas lagi yang membabitkan tentang perjalanan dan pentadbiran di bawah kuasa kerajaan.
- ii.*Maslahah al-'Ammah* adalah suatu neraca bagi menimbangkan polisi atau dasar pemerintah terhadap rakyat.
- iii.Pengubalan polisi dan dasar kerajaan diperluaskan kepada keperluan semasa selagi tidak bertentangan secara hakiki dengan syariat Islam.

## OBJEKTIF SIYĀSAH SYAR'IYYAH

Objektif Siyāsah Syar'iyyah ialah untuk melaksanakan maqasid al-syariah iaitu yang terkandung di dalam perkara yang berkaitan dengan “*jahl al-masalih*” (mendapatkan kemasyhahatan kepada manusia) dan “*dar' al-mafasid*” (menghilangkan kemudaratannya daripada mereka). Maqasid al-syariah adalah tujuan Allah menurunkan Syariat Islam kepada manusia bagi menjaga agama, jiwa, akal, nasab dan harta. Syariat Islam tidak akan dapat disampaikan dan ditegakkan dalam kehidupan manusia melainkan dengan kuasa pemerintahan, terutamanya perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang dan sistem hidup dalam seluruh aspek kehidupan manusia.

## SIYĀSAH SYAR'IYYAH DALAM KOMUNITI OKU

Komuniti OKU di Malaysia dan seluruh negara amnya merupakan tergolong dalam kategori kumpulan rentan yang perlu diberikan lebih perhatian dan dijaga kebijakkannya. Segala urusan atau hal ehwal berkaitan OKU turut memerlukan dasar, polisi mahupun undang-undang yang mana peranan atau aspek-aspek penekanan prinsip Siyāsaḥ Syar'iyyah di sini amat penting dalam mengendalikan komuniti OKU demi menjaga kemaslahatan mereka. Ketidakupayann yang dialami oleh mereka hakikatnya bukanlah disebabkan kecacatan individu tersebut, tetapi ia berpunca daripada sikap masyarakat dan persekitaran yang menyekat ruang dan peluang OKU menyertai aktiviti kemasyarakatan serta penafian hak yang sewajarnya diperolehi oleh mereka.

Izuli Dzulkifli & Asmawati Suhid. (2018) juga mengatakan bahawa setiap individu perlulah menunjukkan nilai-nilai murni dan mencerminkan etika sebagai seorang mukmin. Hal ini kerana setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing. Tunjukkan keprihatinan dan pupuk sifat empati dalam diri untuk membantu mereka sekadar yang termampu. Jaga hubungan sesama manusia (hablum minan nas) dan berikan hak mereka sebaiknya. Selain itu, pihak kerajaan dan swasta hendaklah turut sama membantu golongan OKU menjalani kehidupan yang lebih baik dengan menyediakan pelbagai kemudahan kepada mereka termasuklah kemudahan fasiliti, peluang pendidikan, peluang pekerjaan dan sebagainya. Mereka tidak seharusnya bersikap lepas tangan dan tidak menganggap OKU sebagai beban masyarakat.

Berbuat baik sesama manusia termasuk komuniti OKU ini amat dituntut di dalam Islam. Terdapat banyak ayat di dalam al-Quran dan hadis yang menyeru manusia untuk sentiasa berbuat baik sesama manusia. Antaranya adalah: -

وَاحْفِظْ جَنَاحَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: dan berendah dirilah kamu terhadap orang-orang yang beriman.

(al-Quran: Surah Al-Hijr: 88)

إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik.

(al-Quran: Surah Al-A'raf: 56)

لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ إِنَّمَا يُؤْفَى الصَّابِرُونَ أَجْرٌ هُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya: Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini memperoleh kebaikan. Dan bumi Allah itu adalah luas. Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah Yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.

(al-Quran: Surah Az-Zumar: 10)

Dari Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda:

"Janganlah kamu berbicara dengan ucapan yang buruk, janganlah kamu sindir menyindir, janganlah kamu memerdengarkan khabar orang lain dan janganlah sebahagian kamu menjual atas jualan sebahagian yang lain. Jadilah kamu sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara."

[HR Bukhari dan Muslim]

Kesemua ayat al-Quran dan Hadis tersebut menzahirkan saranan untuk sentiasa berbuat baik sesama masyarakat dengan menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada mafsadah atau

pecah belah antara masyarakat. Ganjaran yang baik juga turut disediakan bagi individu yang turut menyahut seruan seperti yang disarankan itu.

Seterusnya, para pemimpin memainkan peranan yang sangat penting dalam menjamin kemaslahatan komuniti OKU agar turut sama dipandang tinggi dan diiktiraf kewujudannya dalam kalangan masyarakat. Justeru jika dilihat, sesetengah negara telah mewujudkan undang-undang, dasar mahupun polisi yang mentadbir serta menjaga hal ehwal berkaitan komuniti OKU di negara mereka. Terdapat pelbagai polisi yang menerapkan nilai penjagaan hak asasi manusia seperti 17 prinsip Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dari Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan, yang disahkan oleh para pemimpin dunia semasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (United Nations, 2016). Hafizah Zainal et al. (2019) mengatakan bahawa ia merupakan satu program berteraskan kepada hak asasi manusia yang merangkumi tiga dimensi penting, iaitu sosial, alam sekitar dan ekonomi. Kepentingan dari aspek sosial ini harus diperluaskan ke arah menjamin hak-hak komuniti OKU yang wajar diperolehi di sisi undang-undang dengan menerapkan aspek atau pendekatan Siyāsah Syar‘iyyah didalamnya.

Misalnya, dalam aspek peluang pekerjaan bagi komuniti OKU. Sanmargaraja & Ta Wee (2011) mengatakan bahawa pertambahan pendaftaran komuniti OKU telah menyebabkan terdapat peningkatan permintaan terhadap keperluan untuk menyediakan fasiliti OKU di dalam dan di luar bangunan. Ia dilihat satu maslahah buat para komuniti OKU agar mereka mendapat keselesaan dan kebijakan yang sewajarnya. Pihak kerajaan atau majikan juga seharusnya mempertimbangkan kewajaran untuk mengambil komuniti OKU sebagai pekerja dengan menyediakan kemudahan, fasiliti serta ruang lingkup tugas yang sesuai buat para komuniti ini. Komuniti OKU yang berkelayakan juga turut mempunyai hak untuk turut bekerja seperti golongan tipikal yang lain. Ia secara tidak langsung melengkapi apa yang disarankan menurut konsep Siyāsah Syar‘iyyah itu sendiri iaitu mencapai kemaslahatan kepada komuniti OKU dan menunaikan segala keperluan mereka.

Selain itu, komuniti OKU juga berhak untuk mendapatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti. Namun, masih terdapat isu dalam memastikan pelajar OKU ini tidak ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Pelajar OKU harus diberikan peluang yang sama dengan individu normal lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional. Hal ini kerana, terdapat dalam kalangan pelajar OKU ini mereka mempunyai kecerdasan kognitif yang setanding dengan individu yang normal malah mereka mampu melebihi pencapaian pelajar normal (Muhamad Nur Hafiz Ahmad et al., 2017). Rujukan serta alat bantu mengajar yang mesra OKU seperti braille, *visual aid learning* dan sebagainya harus dipertingkatkan agar ia dapat membantu dan memudahkan para pelajar OKU bahkan para tenaga pengajar untuk menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan lebih baik. Maka, ia merupakan satu dhoruriyyah buat pihak yang bertanggungjawab seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Aspek lain seperti kesihatan juga turut penting bagi memastikan kesejahteraan dan kesihatan komuniti OKU dalam keadaan baik. Mohd Sahriman & Fatimah Abdullah (2020) mengatakan bahawa masih terdapat komuniti OKU yang kurang mendapat akses yang sama rata dalam beberapa aspek. Antara aspek yang kurang dititikberatkan adalah penjagaan kesihatan, peluang pekerjaan dan pendidikan. Hal ini termasuklah dari segi rawatan, rehabilitasi, fasiliti kesihatan, ubat-ubatan dan sebagainya yang sewajarnya diberikan kepada komuniti ini demi mengambil kira

maslahah serta kebijakan komuniti OKU di sesebuah negara. Terdapat usaha yang telah dilakukan oleh para kerajaan Malaysia dalam meningkatkan aspek penjagaan kesihatan komuniti OKU di Malaysia.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan kesihatan bagi kanak-kanak berkeperluan khas, perkhidmatan rehabilitasi bagi kanak-kanak dan dewasa kurang upaya di kesihatan primer, perkhidmatan kesihatan di komuniti – Program Outreach di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan lain-lain lagi (MyGovernment, 2021). Maka, segala perkhidmatan kesihatan sedia ada yang telah disediakan oleh kerajaan ini wajar diperluaskan dengan mewarwarkan maklumat serta informasi tersebut kepada komuniti OKU agar mereka tahu akan kewujudan perkhidmatan tersebut. Perkara ini akan menyumbang kepada kesejahteraan dan memberi manfaat kepada komuniti OKU sekaligus kesihatan OKU akan lebih terjamin. Komuniti OKU juga tidak harus melepaskan peluang untuk turut sama menikmati perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

## KESIMPULAN

Penggubalan Dasar terhadap keadilan dan kesejahteraan komuniti OKU merupakan usaha yang murni bagi memastikan semua agensi berkaitan OKU dan institusi-institusi pentadbiran Islam di semua peringkat menuaikan hak, layanan dan peluang OKU memperolehi penyertaan penuh dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Dasar ini memerlukan kerjasama yang bersepadu daripada semua pihak serta penglibatan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan serta pertubuhan bukan Kerajaan, ahli akademik, pakar perubatan, pekerja sosial, sukarelawan dan orang ramai bagi merealisasikan konsep indahnya hidup beragama dalam kalangan OKU. Pentadbiran Malaysia yang memenuhi segala aspek Siyāsah Syar‘iyyah akan mampu untuk memberikan kebaikan kepada semua pihak tidak mengira tipikal mahupun OKU. Perkara ini juga dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang bertoleransi dan adil serta sentiasa melakukan proses pembaikan dan penambahbaikan secara berterusan dalam segenap aspek kehidupan, iaitu individu, masyarakat dan negara.

## RUJUKAN

- Al-Bukhariyy, Muhammad bin Isma'il. 1422H. *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasul Allah Salla Allah 'Alayh Wasallam Wa Sunanah Wa Ayyamih*. Tah. Al-Nasir, Muhammad Zuhayr bin Nasir. T.tp.: Dar Tuq al-Najah.
- Al-Muqirrī (1994), *al-Misbāh al-Munīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jilid 2, hlm. 295.
- Al-Zubaydī (t.t.), *Tāj al-'Arūs Min Jawāhir al-Qāmūs*, Beirut: Dār al-Maktabah al-Hayah, Jilid 4, hlm. 169.
- Bharudin Che Pah, Siti Arni Basir dan Shukeri Mohamed. (2010). Perlaksanaan Siyāsah Syar‘iyyah Dalam Pentadbiran Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 5, pp. 57-72.
- Hafizah Zainal, Zakaria Othman & Faisal Mustaffa. (2019). Perlaksanaan Model Sustainable Development Goals Dalam Inisisatif Pengurusan Zakat di Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, Vol. 1, pp. 1-6.
- Ibn Manzur. 1988. *Lisan al-'Arab*, tahqiq: `Ali Shiri. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Izuli Dzulkifli & Asmawati Suhid. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 2 (2), p

- Luqman Tarmizi. (2018). *Bayan Linnas Siri Ke-145: Isu Perkahwinan Kanak-Kanak Menurut Perspektif Siyasah Syar'iyyah*. Diakses pada 19 Januari 2022, daripada laman web <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2545-bayan-linnas-145-isu-perkahwinan-kanak-kanak-menurut-perspektif-siyasah-syar-iyyah>.
- Mohd Asri Che Ibrahim. (2014). Pendekatan Siasah Syar'iyyah Dalam Memertabatkan Institusi Masjid di Malaysia. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (Sspis) 2014*.
- Mohd Sahriman Ariffin & Fatimah Abdullah. (2020). Cabaran Dalam Penjagaan Orang Kurang Upaya Daripada Perspektif Kerja Sosial Perubatan, *The Malaysian Journal of Social Administration*, Vol. 14, No. 2.
- Muhamad Nur Hafiz Ahmad, Hazlin Falina Rosli, Nur Fikhriah Takril & Safura Ahmad Sabri. (2017). Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (Oku) Di Institusi Pengajian Tinggi Dilembah Klang: Satu Kajian Kes. *2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2)*, 20 & 21 May 2017. Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Malaysia.
- MyGovernment. (2021). *Maklumat Penjagaan Kesihatan Orang Kurang Upaya (OKU)*. Diakses pada 25 Januari 2022, daripada laman web <https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/1617?language=my>.
- Safwan Harun. (t.t.). *Kepentingan Siyasah Syar'iyyah Dalam Pemerintahan*. Diakses pada 13 Januari 2022, daripada laman web [https://www.academia.edu/17353268/KEPENTINGAN\\_SIYASAH\\_SYAR\\_IYYAH\\_DALAM\\_PEMERINTAHAN](https://www.academia.edu/17353268/KEPENTINGAN_SIYASAH_SYAR_IYYAH_DALAM_PEMERINTAHAN).
- Sanmargaraja, Shalini and Ta Wee, Seow. 2011. Kajian penyediaan fasiliti orang kurang upaya (OKU) di institusikerajaan di Nusajaya, Johor Bahru. *Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke-3, Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- United Nations. (2016). #Envision2030: 17 Goals to Transform the World for Persons with Disabilities. Diakses pada 20 November 2021, daripada laman web United Nations: <https://www.un.org/development/desa/disabilities/envision2030.html>.
- Yusuf Hamid al-'Alim (Dr.), (t.t.), *al-Maqāsid al-'Ammah li al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Khartoum: Dār al-Sudāniyyah li al-Kutub, hlm. 19-21.